

Pembendungan dan Cabaran Keberkecualian: Amerika Syarikat, Perang Dingin dan Indonesia, 1950-1952.

RICHARD MASON

Perang Dingin yang bermula dan bergolak di Eropah telah merebak ke Dunia Ketiga, terutamanya ke negara yang baru merdeka di Afrika and Asia, menjelang awal 1950an. Sehubungan itu, Asia Tenggara juga menjadi kawasan baru Perang Dingin, malahan Perang Dingin itu telah menjadi 'perang panas' setelah melibatkan Vietnam, contoh yang baik, sementara negara lain di Asia Tenggara tidak terkecuali daripada berperang dinginnya sendiri. Dalam historiografi Perang Dingin di Asia Tenggara, ada banyak tulisan mengenai Vietnam, tetapi tidak begitu kisahnya mengenai Indonesia. Sehubungan itu, makalah ini akan memperkatakan dasar Amerika Syarikat di Republik Indonesia dalam Perang Dingin dalam tempoh 1950-52. Tema utama makalah ini ialah hubungan antara dasar pembendungan Amerika Syarikat dengan dasar berkecuali Indonesia dalam Perang Dingin itu.

DASAR KEBERKECUALI INDONESIA

Seperti India dan Burma, Republik Indonesia telah memilih dasar berkecuali dalam Perang Dingin.¹ Pendirian ini bertitik tolak daripada masa perang kemerdekaan Indonesia menentang Belanda yang telah diistiharkan Mohamad Hatta, Timbalan Presiden dan juga Perdana Menteri Republik Indonesia masa itu pada September 1951 di Komiti Nasional Indonesia Pusat. Perkembangan yang mendorong kepada ucapan itu adalah tuntutan yang semakin menjadi-jadi daripada parti politik sayap kiri Indonesia agar Persetujuan Renville dibubarkan dan rundingan dengan pihak Belanda ditamatkan untuk membolehkan Republik Indonesia menjalin hubungannya dengan Soviet Union demi mengimbangi pembawaan Amerika Syarikat yang ternyata memihak kepada Belanda. Dalam ucapan itu, Hatta menyeru agar Indonesia menggubal dasar luarnya sesuai dengan kepentingan negara dan tidak memilih untuk bersikap pro-Amerika atau pro-Rusia.²

Pada September 1948, Parti Komunis Indonesia (PKI) dan Front Demokrasi Rakyat (FDR) telah bangkit menentang kerajaan Hatta. Walaupun pemberontakan itu dapat dipatahkan dengan cepat, kerajaan Indonesia telah meneruskan dasar keberkecualinya sebagai teras utama dalam dasar luar negaranya. Ini disebabkan pemimpin Indonesia kurang mempercayai kedua-dua Soviet Union dan Amerika Syarikat. Walaupun tidak ada bukti yang kukuh, pemimpin Indonesia itu menyaki pemberontakan PKI-FDR telah didalangi Soviet Union. Mungkin sebab itulah Republik Indonesia tidak merasmikan hubungan diplomatiknya dengan Soviet

Union sehingga 1954. Akan tetapi kurang kepercayaan Indonesia kepada Soviet Union tidak menyebabkannya terus memihak kepada Amerika Syarikat. Sehubungan itu, walaupun amat berterima kasih kepada Amerika Syarikat kerana bantuannya semasa Indonesia berperang menentang penjajah Belanda, rakyat Indonesia masih menyaki Amerika Syarikat. Sepanjang masa perang kemerdekaan Indonesia itu, Amerika Syarikat sering kali menyokong Belanda; dan hanya setelah kelakuan Belanda di Indonesia telah mengancam untuk menjejaskan kepentingan diri Amerika Syarikat di Indonesia dan di Eropah barulah pihak Amerika Syarikat menyebelahi pihak Indonesia. Namun, dalam Persidangan Mejabulat di Den Hague pada akhir 1949, Amerika Syarikat nyata masih lagi menyokong Belanda dalam pengambilalihan jumlah hutang kerajaan Hindia Timur Belanda oleh Republik Indonesia; dan, mungkin lebih penting lagi, mengenai tuntutan ke atas Irian Jaya, yang terus kekal di bawah penguasaan Belanda.³

Setelah Perang Dingin meningkat pada zaman pasca-revolusi, pemimpin di Republik Indonesia mempercayai berpegang terus kepada dasar berkecualinya akan menjamin Indonesia tidak diperalatkan secara agresif oleh satu pihak terhadap pihak lain. Seperti yang telah Hatta jelaskan, Indonesia “tidak memilih kasih” antara dua blok yang bersaing itu dan mahu ikut jalannya sendiri dalam mengurus masalah antarabangsa. Oleh kerana Indonesia tidak berkongsi sempadan dengan mana-mana kuasa yang berselisih itu, tidak ada tekanan ke atas Indonesia untuk memilih antara dua pihak itu. Dasar luarnya yang berkecuali dan bebas itu akan memastikan Indonesia tidak bermusuhan dengan mana-mana pihak yang berselisih itu, selain dapat membolehkannya berkawan dengan semua pihak berdasarkan prinsip hormat menghormati. Indonesia bersedia untuk menerima sebarang bantuan daripada mana-mana pihak, asalkan ianya tidak mengancam atau menjejaskan kemerdekaan dan kedaulatannya. Selain itu, dasar luar berkecualinya itu selari dengan keperluan dalaman yang mengutamakan pengukuhan dalaman. Menurut Hatta, dasar luar yang menyekutukan Indonesia dengan mana-mana kuasa besar akan merumitkan lagi usaha dalaman ini.⁴

Akan tetapi, kecenderongan sebenar Indonesia di separuh pertama tahun 1950an adalah lebih kepada blok kuasa barat berbanding blok Sino-Soviet. Perkongsian kepercayaannya kepada institusi demokrasi itu mungkin memainkan peranan besar dalam kecenderongan itu. Seperti India dan Burma, Indonesia menganggap kemampuan dirinya beroperasi menurut piawai demokrasi adalah tanda kejayaan dan kemodenannya. Mungkin yang lebih penting lagi ialah pemimpin Indonesia faham negaranya terletak di kawasan orbit ekonomi Anglo-Amerika.⁵ Sehingga pertengahan 1950an, hampir kesemua perdagangan luar Indonesia adalah dengan negara blok barat. Indonesia memandang Eropah dan Amerika Syarikat sebagai teman terpentingnya untuk barang impot dan eksport, selain sebagai sumber untuk mendapat bantuan teknikal, ekonomi dan ketenteraan. Pemimpin Indonesia juga sedar bahawa hanya kuasa barat, khususnya Amerika Syarikat, mampu menghulur bantuan ekonomi dan ketenteraan kepadanya dewasa itu. Tambahan lagi, pemimpin Indonesia percaya

kesudahan perjuangan mereka untuk mendapat balik Irian Jaya daripada Belanda juga bergantung besar ke atas pendirian Amerika Syarikat. Pemimpin Indonesia faham bagaimana Belanda bergantung pada Amerika Syarikat dan percaya sepatah kata daripada Amerika Syarikat sudah cukup untuk Belanda menyerahkan Irian Jaya kepada Republik Indonesia. Maka, meskipun Republik Indonesia beria-ia menyuarakan keinginannya untuk berkecuali dan berdikari dalam Perang Dingin, ia sebenarnya lebih memihak kepada Amerika Syarikat daripada Soviet Union.

Oleh itu, tiadalah hairan sebaik sahaja Indonesia mendapat kemerdekaan, kerajaan Indonesia di bawah Hatta segera menubuhkan kedutaannya di Washington, sedangkan pertukaran wakil diplomatiknya dengan Soviet Union telah tertangguh sehingga 1954. Selain itu, meskipun Republik Indonesia dan kerajaan Komunis China telah saling beriktirafan, Indonesia hanya menubuhkan konsulatnya di Beijing, sedangkan China telah menubuhkan kedutaannya yang penuh di Jakarta. Selain mengharapkan bantuan ekonomi dan sokongan daripada Amerika Syarikat untuk mendapatkan Irian Jaya, perbezaan ini juga telah mencerminkan kurangnya kepercayaan di pihak Indonesia kepada kuasa komunis, akibat pemberontakan PKI di Madiun dan usaha pihak kedutaan China menyokong secara terbuka taktik komunis di Indonesia pada zaman pasca-revolusi. Hubungan diplomatiknya dengan blok komunis telah dipertingkatkan pada pertengahan 1950an, akibat perubahan kepada situasi dalaman dan luaran yang membabitkan kedua-dua Indonesia dan kuasa komunis. Selepas kemangkatan Stalin pada 1953, Soviet Union dan China telah mengubahsuaikan dasar mereka agar menjadi lebih mudah untuk diterima negara yang berkecuali dalam Perang Dingin, suatu strategi yang dapat diterima baik oleh Indonesia untuk mengimbangi pengaruh Amerika Syarikat.

KONTEKS SERANTAU DASAR AMERIKA SYARIKAT TERHADAP INDONESIA

Tema utama dasar Amerika Syarikat ke atas Indonesia, seperti juga dasarnya ke atas negara lain di rantau Asia Tenggara adalah untuk membendung rantau itu daripada jatuh ke tangan komunis. Menjelang awal 1949, penggubal dasar Amerika Syarikat sudah yakin Asia Tenggara adalah sasaran serangan setara yang didalangi pihak Kremlin. Penubuhan kedutaan Soviet Union di Bangkok dan, mungkin lebih penting lagi, pemberontakan parti politik sayap kiri di Burma, Malaya dan Indonesia yang telah tercetus hampir serentak pada 1948 itu mengekori kesudahan Persidangan Belia Asia Tenggara di Calcutta pada Februari 1948. Semua itu dipandang sebagai bukti Soviet Union telah mempunyai minat yang lebih langsung ke atas Asia Tenggara berbanding dengan masa sebelumnya. Pihak Washington percaya Kremlin mahu menguasai Asia Tenggara sebagai buah catur dalam pertarungannya antara Soviet Union dengan Dunia Bebas. Rantau Asia Tenggara penting bagi Dunia Bebas sebagai sumber bahan mentah,

termasuk getah, keluli, minyak dan juga sebagai persimpangan jalan menghubungkan timur-barat dan utara-selatan. Majlis Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat telah menjangkakan hasrat Soviet Union untuk menguasai Asia Tenggara bukan sahaja untuk mendapatkan sumber bahan mentah, tetapi juga untuk menguasai jalan komunikasi Asia Tenggara. Yang mungkin lebih penting ialah matlamat serta-mertanya untuk mentiadakannya kepada Amerika Syarikat.⁶

Para stratejis Amerika Syarikat juga memandang Asia Tenggara sangat penting bagi keselamatan Amerika Syarikat, maka kehilangannya amatlah merbahaya kepada kedudukan Amerika Syarikat di Timur Jauh. Menurut NSC 51, pengembangan komunis di China adalah kekalahan teruk bagi Amerika Syarikat; dan seandainya Asia Tenggara juga jatuh ke tangan komunis, Amerika Syarikat akan mengalami kekalahan politik besar dengan kesannya akan dirasai di seluruh dunia, khususnya di Timur Tengah dan Australia. Dengan China dilanda komunisme, maka Asia Tenggara adalah bahagian yang penting dalam garisan depan pembendungan yang menghala ke selatan, dari Jepun ke Semenanjung India. Keselamatan Jepun, India dan Australia, yakni tiga markas bukan-komunis utama di Timur Jauh, banyak bergantung pada kebebasan Asia Tenggara daripada penguasaan komunis. Seandainya Asia Tenggara, khususnya Filipina dan Indonesia, jatuh, maka tiga buah markas ini akan menjadi berasingan. Jikalau Asia Tenggara dapat dipertahankan, wujudlah suatu jalinan yang sepadu untuk menentang Stalanisme di bahagian dunia ini.⁷ Satu siri misi dari Amerika Syarikat ke Asia Tenggara antara akhir tahun 1949 dan awal tahun 1950 untuk meninjau keadaan diplomatik, ekonomi dan ketenteraan telah menegaskan peri pentingnya Asia Tenggara kepada Amerika Syarikat, sekaligus menggesa agar tindakan segera perlu diambil untuk menyekat pengembangan fahaman komunis di rantau itu.

Dasar pentadbiran Truman ke atas Indonesia telah menjadi bahagian penting dalam strateginya membendung Asia Tenggara. Namun, walaupun Indonesia dikira penting, ia bukanlah fokus utama dasar Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara. Fokus utama perhatian Amerika Syarikat adalah Indochina, khususnya Vietnam, yang menjelang awal 1950an sudah menjadi masalah ketenteraan yang perlu diambil tindakan segera, maka dianggap sebagai benteng pertahanan Asia Tenggara. Pengiktirafan Demokratik Republik Vietnam oleh China dan Soviet Union pada Januari 1950 telah dipandang Amerika Syarikat sebagai “tanda penting yang amat merisaukan” dalam hubungan niat Stalin untuk mempercepatkan proses revolusinya di Asia Tenggara.⁸ Gerila Viet Minh sudah mencatat banyak kejayaan dalam menentang Perancis. Dengan prospek untuk mendapat banyak lagi bantuan dari China dan Soviet Union, besarlah kemungkinan untuk Viet Minh menghalau Perancis dari Indochina, justeru itu, merobohkan benteng yang terakhir antara China dan saki baki di rantau Asia Tenggara.⁹ Oleh sebab itu, pada Februari 3, Amerika Syarikat telah mengiktiraf rejim Bao Dai yang telah didirikan Perancis. Para pengubal dasar Amerika Syarikat yakin sekiranya Indochina jatuh, kawasan Asia Tenggara yang lain juga terancam.¹⁰

Prospek bagi Indonesia berbanding dengan Indochina adalah lebih cerah. Misi Melby-Eskine yang telah pergi ke Asia Tenggara sejurus selepas teretusnya Perang Korea adalah untuk meninjau keadaan ketenteraan negara di Asia Tenggara, sekali gus meletakkan Indonesia di tempat keempat, selepas Indochina, Thailand dan Filipina dalam perihai keutamaan. Menurutnya, Indonesia adalah di tangan pihak nasionalis “sederhana” yang sudah membuktikan anti-komunisme mereka setelah mematahkan pembertontakan PKI-FDR di Jawa Timur pada akhir 1948. Selain itu, dengan dipisahkan laut dari Tanah Besar Asia Tenggara, maka kepulauan Indonesia adalah terkeluar daripada kesan proses “domino tumbang.” Sebaliknya, punca ancaman komunis di Indonesia adalah dari dalam. Menurut misi Melby-Eskine, walaupun kerajaan Indonesia telah mematahkan pemberontakan komunis pada akhir 1948, namun ramai mereka yang dipenjarakan itu telah dibebaskan ekoran serangan daripada Belanda ke atas Republik Indonesia pada Disember 1948. Pegawai Amerika itu menganggap anasir komunis itu akan meneruskan aktiviti mereka pada masa depan.¹¹

Pentingnya Indonesia kepada Amerika Syarikat daripada segi politik, strategi dan ekonomi telah dijelaskan Walton Butterworth, Penolong Setiausaha Negara di Bahagian Hal-ehwal Timur Jauh, dalam sebuah telegramnya kepada Setiausaha Negara, Dean Acheson, pada Oktober 12 1949. Menurut Butterworth, kepulauan Indonesia yang luas, diduduki seramai 75 juta orang, terletak di persimpangan jalan perdagangan utama antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindia telah menghasilkan bahan-bahan yang diperlukan industri Amerika Syarikat, termasuk beberapa bahan dalam program simpanan stok strategik Amerika Syarikat. “Oleh kerana perwatakan gerakan nasionalisnya yang dinamik, oleh kerana kekayaannya dan oleh kerana ia adalah negara Muslim yang kedua terbesar di dunia, maka orientasi politiknya akan mempunyai kesan yang mendalam ke atas orientasi politik kawasan Asia yang lain. Kejatuhan Indonesia ke tangan komunis akan menyebabkan Amerika Syarikat kehilangan suatu kawasan yang amat penting daripada segi politik, ekonomi dan strateji” selain akan menimbulkan kesan serious ke atas kepentingan Amerika Syarikat di rantau lain.¹²

Pastinya dasar Amerika Syarikat ke atas Indonesia itu jauh lebih dinamik daripada hanya memastikan kepulauan itu tidak jatuh ke tangan komunis. Oleh itu, objektif utama dasar Amerika Syarikat adalah untuk menjadikan Indonesia sekutu penuh kepada kuasa berikat barat dalam Perang Dingin yang semakin meruncing. Menurut Butterworth lagi, bila perolehan pihak komunis di Tanah Besar Asia Tenggara sudah bertambah, Indonesia yang akan kekal dalam kem anti-komunis itu adalah amat penting. Sehubungan itu, Jabatan Negara berharap Indonesia boleh digunakan sebagai pangkalan gerakan dengan pihak anti-komunis itu boleh mula berusaha mendapatkan balik Tanah Besar Asia Tenggara. Butterworth juga percaya penerusan kepemimpinan nasionalis yang anti-komunis di Indonesia akan mempunyai banyak kesan ke atas kepimpinan di tempat lain di Asia Tenggara.¹³ Dalam NSC 48, kertas kerja Jabatan Negara berkenaan pendirian

Amerika Syarikat terhadap Asia Tenggara, yang diperakui Presiden Truman pada Disember 1949, menyatakan objektif Amerika Syarikat di Indonesia adalah untuk memperkukuhkan orientasi anti-komunis di pihak kerajaan Indonesia, selain membantunya membangunkan ekonomi dan mempengaruhi Indonesia untuk menyumbang kepada usaha menjamin keselamatan rantau dan perpaduan antara Indonesia dengan dunia bebas.¹⁴

MENGKO-OPT INDONESIA

Untuk mencapai matlamat itu, Amerika Syarikat mengambil berat usaha untuk memastikan kepimpinan pro-barat di Indonesia terus berkuasa. Sehubungan itu, Amerika Syarikat telah bersetuju untuk menghulur bantuan ekonomi, teknikal and ketenteraan yang amat diperlukan Indonesia. Semasa Persidangan Mejabulat di Hague pada November 1949, pegawai Amerika Syarikat telah memberitahu Indonesia bahawa Amerika Syarikat akan melayan dengan simpati permohonan daripada Indonesia untuk mendapat bantuan teknikal dan ekonomi; dan sebaik sahaja Perjanjian Hague ditandatangani, Pentadbiran Bantuan Ekonomi Amerika Syarikat telah meluluskan bantuan sebanyak \$40 juta kepada Indonesia untuk membeli beras dan kain. Pada 9 Januari 1950, Presiden Truman telah meluluskan peruntukan sebanyak \$5 juta sebagai bantuan dalam bentuk kelengkapan tentera kepada polis Indonesia untuk menjaga keselamatan dalam negerinya, selain membentasi ancaman komunis.¹⁵ Pada bulan yang berikut, Bank Ekspot-Impot telah bersetuju untuk memberi pinjaman sebanyak \$100 juta untuk membantu pembelian barang-barang yang digunakan sebagai modal dari Amerika Syarikat demi membangun semula ekonomi Indonesia. Merle Cochran, Duta Amerika Syarikat ke Indonesia dan Duta Khas Philip Jessup yang telah melawat Jakarta pada Februari 1950 itu menyokong permohonan Indonesia. Duta Jessup menasihatkan Jabatan Negara bahawa bantuan kewangan kepada Indonesia harus mengambilkira kesan politiknya dan tidak memandangnya semata-mata sebagai pelaburan perbankan, selain menyeru agar tidak terlalu remeh terhadap perkara teknikal semasa memproses permohonan pinjaman itu. Dean Rusk, Timbalan Setiausaha di Bahagian Hal Ehwal Timur Jauh, juga bersetuju selain telah juga menasihatkan Bank Ekspot-Impot sedemikian.¹⁶

Pada bulan April 1950, misi tinjauan ekonomi yang diketuai Colonel Allen Griffin telah tiba di Indonesia untuk mengkaji keperluan Indonesia berhubung bantuan teknikal di bawah Program Point IV. Beliau telah menggesa agar dapat dihantar dengan serta-merta bantuan kecemasan sebanyak \$14.5 juta yang meliputi pelbagai bidang ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Menurutnya, bagi kerajaan yang baru membangun dan yang diyakini rakyatnya tentang kebolehan mentadbir, ia mesti maju ke arah menyelesaikan masalah jangka pendek dan juga ternyata sudah memulakan projek pembangunan jangka panjang untuk memberi harapan kepada kehidupan yang lebih selesa pada masa depan.

“Bantuan ikhlas” dari kuasa Barat itu akan memberi tafsiran yang memanfaatkan kerajaan dan rakyat Indonesia yang masih menyayangi tujuan kuasa Barat dan akan meningkatkan sokongan rakyatnya kepada kerajaannya untuk rapat dengan Amerika Syarikat. Menurut Misi Griffin, Indonesia adalah contoh negara yang “ada harapan” untuk mengamalkan demokrasi-ala-barat. “Kegagalan di Indonesia akan menyebarkan kekeliruan dan putus asa di tempat lain. Kejayaan dalam kepimpinan Indonesia akan membawa kesan baik ke atas orientasi kebaratan kerajaan lain di Asia Tenggara.”¹⁷ Dalam laporan akhirnya yang diserahkan kepada Setiausaha Negara, Misi Griffin menekankan pemulihan semula ekonomi Indonesia dan permulaan-semula pengeksporan bahan-bahan mentahnya akan banyak menyumbang kepada penubuhan semula perdagangan tiga hala antara Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Asia Tenggara dan, seterusnya kepada kejayaan rancangan pemulihan semula Eropah. Misi Griffin juga menegaskan untuk menjadikan Indonesia sebagai rakan kongsi politik dan ekonomi penuh yang akan berfaedah dan penting bagi Amerika Syarikat dan rakan-rakannya.¹⁸

Walaupun pihak Indonesia amat menghargai bantuan yang dihulurkan Amerika Syarikat, tetapi pemimpin Indonesia amat khuatir dengan bantuan ini yang mempunyai ikatan daripada Amerika Syarikat dalam mengurus bantuan itu. Dalam perbualannya dengan Jessup dan Cochran pada Februari 1950, presiden Sukarno menjelaskan di Asia, tidak seperti di Eropah, Amerika Syarikat adalah berhubung dengan negara baru yang amat sensitif akan sebarang implikasi bahawa Amerika Syarikat telah mengarah penggunaan bantuan yang diberi Amerika Syarikat. Sukarno mengibaratkan Amerika Syarikat sebagai seorang ibu dan negara-negara Asia yang baru sebagai anak-anak dewasanya yang memandang ibunya dengan penuh kasih sayang dan pemahaman, tetapi tidak mahu ibunya campur tangan dalam urusan seharian mereka. Sukarno telah berkali-kali mengulang perkara ini dan menegaskan pentingnya Amerika Syarikat memahami psikologi negara baru di Asia.¹⁹

Sukarno amat khuatir Amerika Syarikat akan cuba membawa Indonesia ke dalam kemunya dalam Perang Dingin. Dalam situasi antarabangsa yang tegang pada awal 1950an, Indonesia memang enggan diheret ke dalam peperangan Amerika Syarikat dengan blok Komunis, apatah lagi menyebelahi mana-mana pihak dalam Perang Dingin adalah satu-satunya isu sensitif yang boleh memecah-belahkan parti-parti politik di Indonesia. Selepas pulang daripada lawatannya ke India pada awal 1950, Sukarno memutuskan untuk kekal bersama India berpegang kepada prinsip berkecuali dalam Perang Dingin antara blok Barat dan blok Timur.

Meskipun Republik Indonesia bertekad untuk berkecuali dalam pergelutan Perang Dingin, Amerika Syarikat juga memang bertekad untuk mengko-opt Indonesia ke dalam Perang Dingin di sebelahnya. Pegawai Amerika Syarikat percaya dasar berkecuali adalah daif, menipu diri dan merbahaya; dan percaya setelah Perang Dingin berlarutan dan menjadi semakin panas, Indonesia akan membuat pilihan untuk menyebelahi Amerika Syarikat. Sekalipun dasar keberkecuali Indonesia condong ke pihak Amerika Syarikat, ia belum lagi memadai

kerana Perang Dingin adalah situasi yang tidak dapat dikompromikan. Daripada usaha Amerika Syarikat untuk menjadikan Indonesia sekutu penuhnya dalam Perang Dingin, hubungan Amerika Syarikat-Indonesia yang agak baik pada mulanya itu telah menjadi semakin renggang.

VIETNAM, CHINA DAN KOREA

Perselisihan utama awal berkenaan hal ehwal antarabangsa telah timbul antara Amerika Syarikat dan Indonesia mengenai isu Indochina yang muncul pada pertengahan tahun 1950. Secara amnya, pemimpin Indonesia bersimpati terhadap rejim Viet Minh di bawah kepimpinan Ho Chi Minh. Mereka percaya Viet Minh yang mendapat sokongan kebanyakan rakyat Vietnam itu memandangi perjuangannya menentang Perancis itu sama dengan perjuangan Indonesia menentang Belanda. Mereka juga sedar Maharaja Bao Dai yang telah ditabalkan Perancis itu tidak mempunyai sokongan rakyat Vietnam dan ia cuma helah daripada pihak Perancis untuk meneruskan penjajahannya di Indochina, maka menyerupai negeri persekutuan yang ditubuhkan Belanda di Indonesia. Akan tetapi Amerika Syarikat, sesudah mengiktiraf Bao Dai, telah menekan Indonesia dan negara Asia Tenggara lain untuk mengiktiraf Bao Dai. Bila kerajaan Hatta enggan berbuat demikian, Amerika Syarikat telah menangguk kelulusan pinjaman \$100 juta dari Bank Ekspot-Impot yang telah dijanjikan. Sehubungan itu, rasa daripada rakyat Indonesia terhadap Amerika Syarikat berleluasa.²⁰

Pada 3 April 1950, Njoto dan Sakirman, pemimpin Parti Sosialis Indonesia, membentangkan usul mereka di Parliamen Indonesia untuk menggesa kerajaan Indonesia menjalin hubungan diplomatik dengan Democratic Republic Vietnam. Usul itu diterima baik kumpulan komunis dan juga kumpulan bukan komunis, malahan mungkin akan menjadi akta jika tidak disebabkan kepintaran Mohammad Natsir, pemimpin Masjumi. Pada 2 Jun 1950, menjelang pengundian ke atas usul itu, Natsir telah mengemukakan usul baru: meminta situasi sebenar di Vietnam disiasat terlebih dahulu sebelum mengiktirafnya agar kerajaan Indonesia boleh mengambil tindakan yang wajar bagi membantu orang Vietnam mencapai matlamat mereka. Usul Natsir itu telah diterima dengan undi 49 berbanding 39 yang menolak, dengan majoriti besar ahli parliamen tidak mengundi. Selepas itu, Hatta memaklumkan parliamen bahawa kerajaan Indonesia belum lagi bersedia untuk mengiktiraf sama ada rejim Ho Chi Minh atau rejim Bao Dai, dan dengan itu telah mengelak isu menyebelahi mana-mana pihak dalam Perang Dingin.²¹

Duta Cochran yang amat lega dengan hasil pengundian itu telah menggesa Jabatan Negara untuk menyegerakan kelulusan pinjaman \$100 juta dari Bank Ekspot-Impot yang telah dijanjikan itu. Cochran khuatir Amerika Syarikat akan kehilangan persahabatan Indonesia jika tidak memunaikan janjinya, selain mengakibatkan kerajaan yang “sederhana” di Indonesia kehilangan maruah dan seterusnya disingkirkan.²² Pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat berpuas hati

dengan cara Republik Indonesia menyelesaikan isu berhubung dengan pengiktirafan Ho Chi Minh, selain mempercayai kerajaan Indonesia yang memerintah itu tidak akan mengiktiraf Ho Chi Minh pada masa depan. Jabatan Negara itu juga menyimpulkan bahawa Indonesia yang enggan berada di pihak Amerika Syarikat dalam Perang Dingin itu juga akan lebih keberatan untuk berada di pihak blok Soviet Union.²³

Selain isu Vietnam itu, Indonesia dan Amerika Syarikat juga berbeza pandangan mengenai Republik Rakyat China (RRC). Pendirian Amerika Syarikat mengenai China telah dijelaskan Cochran dalam jawapannya setelah ditanya Presiden Sukarno mengapa Amerika Syarikat enggan mengiktiraf kerajaan China. Cochran menjelaskan pihak Amerika Syarikat merasa pengkomunisan China adalah dipaksa Moscow, semacam satu angkatan tentera Rusia yang besar telah memasuki China untuk menabalkan institusi mereka secara paksa. Pihak Amerika juga merasa komunisme di China tidak diterima secara rela oleh rakyatnya dan juga Amerika Syarikat percaya China tidak akan kekal menjadi komunis untuk selama-lamanya. Namun demikian, Amerika Syarikat tidak boleh ambil risiko yang komunisme seperti yang ada di Beijing itu akan berbeza daripada komunisme di Moscow. Ini disebabkan kerajaan Komunis di China tidak berkelakuan sebagai sebuah kerajaan berdaulat yang perihatin akan hak negara berdaulat yang lain dan tidak mematuhi adat resam dalam hubungan antarabangsa.²⁴

Sebaliknya, ramai pemimpin di Indonesia percaya kerajaan Mao Zedong telah disokong majoriti rakyatnya, sementara nasib parti Kuomintang pimpinan Jiang Jieshi di tanah besar China telahpun hancur, maka komunisme akan kekal di China. Oleh sebab itulah, walaupun tidak tergapoh-gapah menjalin hubungan diplomatik dengan Beijing, kerajaan Hatta telah membalas apabila RRC mengiktiraf Republik Indonesia. Pada Ogos 1950, RRC telah menghantar dutanya ke Jakarta, sementara Indonesia telah menangguhkan penubuhan konsulatnya di Beijing sehingga pertengahan 1951. Selepas diterima untuk menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Republik Indonesia bersama negara berkecuali yang lain, seperti India dan Burma, telah menengahkan pendirian mereka bahawa wakil regim China Taiwan di PBB harus diganti oleh wakil dari RRC.²⁵

Cochran amat kecewa setelah kerajaan Indonesia mengambil keputusan untuk menjalin hubungan diplomatiknya dengan kerajaan komunis China. Tidak lama selepas tibanya duta China di Jakarta, Cochran memberi amaran kepada Sukarno supaya tidak bersikap sambil lewa akan komunis China dengan bahayanya tindakan Indonesia mengiktiraf komunis China. Cochran juga menegaskan kepada Sukarno bahawa Indonesia akan hilang segala-galanya dalam masa sekelip mata kiranya tidak peka kepada bahaya penyusupan komunis ke sekolah, persatuan buruh, tentera dan sebagainya. Cochran juga mengingatkan Sukarno agar tidak memandang rendah tentang kebolehan duta China yang baru tiba itu, maka kerajaan Indonesia mesti sentiasa berjaga-jaga mengawasi kegiatan komunis China yang boleh berselindung dengan mudah di dalam masyarakat yang mempunyai orang keturunan Cina seramai dua juta orang itu.²⁶

Washington dan Jakarta juga berbeza pandangan mengenai Perang Korea. Perbezaan ini semakin meruncing bila China dilibatkan dalam perang itu. Bila Perang Korea meletus pada akhir Jun 1950, kerajaan Indonesia telah mengeluarkan kenyataan mengatakan pergelutan Korea itu adalah satu lagi isu antara Amerika Syarikat dan Russia, maka Indonesia tidak mahu dikaitkan mengenai isu Korea itu. Justeru itu, semua kapal perang yang terlibat dalam operasi PBB di Korea itu dihalang untuk mengisi minyak, memunggah atau dibaiki di pelabuhan di Indonesia. Dalam kenyataan pada 27 Jun itu, Menteri Penerangan Indonesia menjelaskan oleh sebab Indonesia ketika itu belum lagi menjadi ahli PBB, maka tidak wajib mematuhi usul PBB mengenai bantuan kepada Korea, dan sebarang kapal yang ingin bersinggah di pelabuhan Indonesia mesti memohon kelulusan kepada kerajaan Indonesia yang akan menimbang permohonan itu berdasarkan komiti bangsa-bangsa.²⁷

Pihak Jabatan Negara yang amat marah itu telah menyifatkan tindakan Indonesia itu sebagai “fikiran silap” yang “tidak dapat dipertahankan.” Cochran telah diarah untuk memberitahu kerajaan Indonesia walaupun Amerika Syarikat memahami perlunya bagi sebuah negara baru dan masih lagi teragak-agak untuk berkecuali buat sementara waktu, namun kerajaan Indonesia harus juga faham bahawa pada saat ini dalam pergelutan antara USSR dengan dunia bebas, Indonesia tidak dapat mengelakkan dirinya daripada membuat pilihan, khususnya semasa Amerika Syarikat dan dunia bebas sedang bertungkus lumus menyokong PBB di medan perang, dan keengganan Indonesia memberi hak kepada kapal-kapal PBB untuk berlabuh di Indonesia akan dipandang sebagai penghianatannya kepada PBB. Cochran juga telah diarah untuk memberitahu kerajaan Indonesia bahawa kedegilannya untuk enggan berkerjasama dengan pihak PBB akan menimbulkan masalah dalam kongress Amerika dan di kalangan rakyat Amerika Syarikat yang akan memaksa kerajaan Amerika Syarikat untuk mengkaji semula segala rancangan bantuannya kepada Indonesia.²⁸

Dalam perbualannya dengan Sukarno selepas itu, Cochran meluahkan rasa kecewanya kerana mendapati Republik Indonesia yang sudah banyak terhutang kepada PBB atas segala bantuannya kepada Indonesia semasa perjuangan kemerdekaannya, lagipun sedang menunggu untuk menjadi ahli pertubuhan itu enggan menyokong PBB dalam perjuangannya. Peperangan di Korea, Cochran menegaskan, adalah disebabkan keganasan di pihak komunis Korea Utara, dengan mendapat bantuan besar daripada Russia. Dalam peperangannya di Korea, Amerika Syarikat hanya menunaikan janjinya kepada PBB yang ia akan terus berperang di pihak Korea Selatan yang disokong penubuhannya oleh PBB. Memandangkan Armada Ketujuh Amerika telah diarah untuk belayar ke Selat Formosa, tidak mungkin komunis China akan menyerang Formosa dengan menanggung risiko akan berperang pula Amerika Syarikat. Tetapi, sekiranya ini berlaku, ujar Cochran, Indonesia harus sedar bahawa itu adalah tindakan terancang yang diarah Moscow untuk menakluki seluruh Asia, termasuk pulau-pulau di sebelah selatan. Seandainya China, dengan dibantu Moscow, menakluki

Formosa dan berganjak menawan Indocina dan Thailand, Filipina dan Indonesia akan terdedah kepada ancaman komunis. Hanya Amerika Syarikat dapat menyelamatkan Indonesia; maka Sukarno harus ingat akan ini dalam menggubal dasar hubungan antarabangsa Indonesia. Cochran menegaskan tidak ada tempat untuk aliran ketiga dalam Perang Dingin.²⁹ Kerajaan Hatta mungkin tidak tertarik dengan hujah-hujah Cochran itu.

BANTUAN KETENTERAAN: KELEMAHAN INDONESIA

Sementara kerajaan Indonesia telah berjaya menolak ajakan daripada Amerika Syarikat mengenai pengiktirafkan rejim Bao Dai untuk menjadi ahli sekutu Amerika Syarikat dalam Perang Korea, ia ternyata mudah di bawah tekanan Amerika Syarikat dengan bantuan ketenteraan yang diberinya. Indonesia amat memerlukan senjata untuk menjaga keselamatan dalamannya, dan hanya Amerika Syarikat dewasa itu boleh menghulur bantuan itu. Berhubung peruntukan sebanyak \$5 juta yang telah diluluskan Presiden Truman pada 9 Januari 1950, Jabatan Negara telah mengarahkan Cochran untuk merundingkan perjanjian dua-hala dengan pihak Indonesia, dengan syarat Indonesia akan bersetuju untuk menyekat mengeksport bahan-bahan potensi-perang kepada mana-mana musuh Amerika Syarikat. Hatta yang telah membantah sebarang perjanjian formal yang perlu diperakui Parliamen Indonesia itu telah bersetuju dengan pertukaran nota diplomatik. Beliau menyakinkan Cochran yang Indonesia amat bersimpati dengan hasrat Amerika Syarikat untuk menyekat imperialisme daripada kuasa kommunistik, tetapi sebarang perjanjian walaupun hanya untuk membincangkan pengawalan eksport bahan-bahan strategik keluaran Indonesia pada masa yang kritis itu dianggap amat berbahaya kepada kerajaan Indonesia. Hatta menjelaskan pihak yang membeli bahan-bahan potensi-perang Indonesia bukan sahaja membeli, tetapi juga perlu mengangkutnya dari Indonesia dan beliau yakin semasa perang Amerika akan mendominasi lautan dan, justeru, musuh Amerika akan tidak mempunyai jalan masuk ke pasaran Indonesia. Sehubungan itu, Hatta mencadangkan suatu perjanjian sulit bahawasanya Indonesia tidak akan mengeksport bahan-bahan potensi-perang kepada mana-mana negara ketiga yang akan menjualnya kepada musuh Amerika Syarikat.³⁰

Pihak Jabatan Negara yang memang suka pada perjanjian rasmi itu telah mengalah atas desakan keperluan, dan akhirnya bersetuju untuk menerima pertukaran nota diplomatik.³¹ Cochran memberitahu pihak Washington bahawa Hatta telah mengambil langkah sebaik yang mungkin dalam merealisasikan perjanjiannya dengan Amerika Syarikat, sedangkan Hatta khuatir perjanjian yang lebih rasmi itu akan digunakan pihak lawan untuk menentangnya dan kabinetnya. Cochran juga melaporkan bahawa Hatta telah berulang kali menegaskan walaupun sikap rasmi Indonesia adalah berkecuali, tetapi ia sebenarnya menentang pihak Russia dan satelitnya, malahan tidak mahu menyumbang kepada

kekuatan pihak komunis yang akan digunakan kemudiannya untuk menentang Indonesia. Namun demikian, Hatta menegaskan Indonesia masih perlu berhati-hati dengan pihak komunis sehingga kedudukan Indonesia telah menjadi lebih kukuh.³²

Pertukaran nota dan janji sulit Hatta yang dibuat pada Ogos 15 1950 itu hanya kejayaan yang terbatas bagi Amerika Syarikat dalam usahanya untuk menjadikan Indonesia ahli sekutunya dalam Perang Dingin. Cochran ternyata tidak berpuas hati dengan Indonesia yang sudi menerima bantuan ekonomi dan ketenteraan daripada Amerika Syarikat, tetapi amat berhati-hati dalam mengelak sebarang langkah untuk membuatnya terikat kepada perjuangan anti-komunisme. Berbual dengan Sukarno pada lewat Ogos, Cochran merunggut dengan menyatakan bahawa selama beberapa minggu yang sudah, Republik Indonesia kelibatan tidak mahu dunia luar memandang Indonesia dan Amerika Syarikat sudah berkawan dan beliau terpaksa memperkecil-kecilkan pelbagai sumbangan dan bantuan Amerika Syarikat kepada Indonesia di bawah program STEM. Sukarno yang dapat menyakinkan Cochran bahawa tiada kelenyapan hubungan persahabatan antara Indonesia dan Amerika Syarikat itu bersimpati dengan pendirian yang diambil Hatta kerana khuatirkan parti politik yang bersayap kiri akan menggunakan bantuan Amerika Syarikat sebagai bukti yang Amerika Syarikat memang berhasrat untuk mempengaruhi dan mengheret Indonesia ke dalam kancah Perang Korea. Sukarno juga menyakinkan Cochran yang bantuan Amerika Syarikat itu sangat dihargai, maka berharap Amerika akan terus menerus menghulur bantuannya kepada Indonesia, selain menyatakan bahawa bantuan itu akan lebih efektif jika dihulur secara senyap-senyap berbanding secara terbuka dengan publisiti yang meluas.³³

KABINET NATSIR

Bila Republik Indonesia ditubuhkan secara rasminya pada Ogos 1950, Mohammad Natsir dari parti Masjumi telah menggantikan Hatta sebagai Perdana Menteri. Seperti Hatta, Natsir dan Menteri Luar beliau, Mohammad Roem, juga anti-komunis; tetapi mereka amat sensitif kepada tuduhan bahawa amalan mereka itu telah lari daripada “dasar luar bebas dan aktif.” Selain itu, kabinet Natsir telah juga merangkumi parti-parti politik yang amat menyaki negara Barat. Sehubungan itu, kerajaan Natsir yang tidak ada masalah menerima bantuan ekonomi daripada Amerika Syarikat itu telahpun menandatangani perjanjian sedemikian dengan Amerika Syarikat pada Oktober 1950. Namun, bantuan ketenteraan adalah isu yang lain sama sekali. Kerajaan Natsir ingin sekali mengelakkan sebarang syor yang Indonesia didapati telah bersekongkol dengan kuasa barat. Sejurus selepas kabinet itu dibentuk, Roem telah memberitahu Cochran bahawa kerajaan Indonesia akan menyambut rombongan Misi Tinjauan Ketenteraan Melby-Erskine sebagai lawatan yang tidak rasmi, tetapi berterus terang mengatakan bahawa Indonesia

tidak akan menerima sebarang bantuan ketenteraan; dan Indonesia ingin menerima senjata dan kelengkapan ketenteraan hanya secara jualan dan bukannya secara geran. Roem menjelaskan cara ini selari dengan dasar luar Indonesia untuk mengelakkan kesulitan politik dalamnya.³⁴

Bila rombongan Melby tiba di Jakarta, Roem menegaskan Indonesia tidak akan menyertai Program Perjanjian Pertahanan Bersama. Roem menjelaskan ini tidaklah bermaksud sikap tidak-ramah terhadap Amerika Syarikat, tetapi bagi Indonesia mendapat senjata dari Amerika Syarikat atas syarat seperti yang dirundingkan Hatta berkenaan kelengkapan polis itu tidak selari dengan “dasar luar bebas dan berdikari.” Penerimaan Persetujuan Pertahanan Bersama akan serta-merta membuat Indonesia ditafsir sudah memilih untuk berpihak, lagipun ia amat membahayakan kerajaan pimpinan Natsir. Roem menunjukkan menteri-menteri utama dalam kabinet kerajaan Natsir adalah tokoh yang sudah Cochran kenal dan yakin sebagai orang yang tidak bersimpati dengan komunis. Roem mengujarkan Indonesia harus dibenarkan untuk memikul tanggung jawabnya menyelesaikan masalahnya sendiri, dan sentiasa yakin mereka boleh memandang Amerika Syarikat sebagai kawan yang mempunyai impian yang sama. Cochran menjawab meskipun beliau yakin akan falsafah politik pemimpin “sederhana” dalam kerajaan Natsir, namun beliau risau mereka kurang sensitif terhadap bahaya yang sudah meningkat daripada pihak komunis, maka beliau bimbang mereka akan lambat untuk bertindak, dengan akibat padah jika sudah lambat.³⁵ Dalam laporannya kepada Jabatan Negara tentang kegagalan misinya ke Indonesia itu, Melby menyatakan mungkin belum sampai masanya lagi bagi pihaknya cuba menjalin perjanjian ketenteraan dengan Indonesia masa itu dan menyarankan apa-apa kemajuan dalam isu itu perlu tunggu suasana politik yang akan menjadi lebih matang nanti. Namun, yang melegakan rombongannya ialah tidak mengesan bukti tentang kecenderungan [Indonesia- editor] ke pihak komunisme, tetapi [meningkatkan – editor] bahaya daripada perkembangan itu tidak boleh diabaikan.³⁶

Jikalau keengganan pihak Indonesia untuk menyertai MDA itu menandakan perbezaan besar antara Washington dan Jakarta di arena hubungan antarabangsa dan perbezaan itu meruncing setelah China menyertai Perang Korea pada November 1950. Pemimpin Indonesia yang bimbang dengan pengluasan perang di Korea itu memandang penyertaan China itu sebagai reaksi yang wajar kepada tindakan tentera PBB di bawah General Douglas McArthur mara ke utara ke arah Sungai Yalu, sama sekali tidak mengendahkan amaran dari Beijing agar PBB tidak menyerang Korea Utara. Di PBB, Amerika Syarikat berbangga apabila Indonesia bersama negara Arab dan Asia, memohon agar China untuk berhenti dan tidak merentasi garis lintang 38; akan tetapi Amerika Syarikat tersingung bila Indonesia menyertai tiga buah negara Asia yang lain tidak mengundi atas usul untuk membincangkan resolusi PBB mengenai pengunduran tentera China dari Korea. Berbual dengan Sukarno pada Disember 8 1950, Cochran menekankan Indonesia harus menyedari tindakan China mara ke Korea itu adalah sebahagian

daripada pelan keseluruhan Soviet Union untuk mengawal Asia dan pertahanan tegas di benua Asia adalah penting untuk keselamatan Indonesia. Indonesia harus sedar, selain akui bahaya pergerakan pihak Komunis ke selatan, maka harus menyesuaikan dasarnya. Merujuk kepada permintaan Indonesia untuk membeli senjata api dari Amerika Syarikat dan permintaannya ke atas senjata api sekutu Amerika Syarikat yang membantu dalam Perang Korea dan betapa susahnya untuk mendapat senjata api Amerika di luar rancangan MDAP, Cochran berharap kerajaan Indonesia akan dapat menerima persetujuan yang sudah berubah sedikit daripada yang telah beliau buat dengan Hatta berkenaan kelengkapan polis.³⁷

Sukarno sama sekali tidak tertarik dengan hujah Cochran itu dan menjelaskan dasar Indonesia menyertai PBB adalah dasar yang beliau yakini akan mengelakkan berlakunya perang dunia ketiga.³⁸ Indonesia dan negara-negara lain di PBB yang mempunyai fikiran serupa itu percaya masalah Korea mungkin lebih mudah diselesaikan dalam konteks penyelesaian isu Timur Jauh yang lebih luas, yang juga membabitkan Taiwan dan perwakilan RRC di PBB. Negara-negara kumpulan ini enggan menerima tesis anjuran daripada Amerika Syarikat bahawa RRC adalah kuasa pegganas di Korea. Akan tetapi semasa diadakan pengundian pada 30 Januari 1951 ke atas resolusi Amerika Syarikat mengecap RRC sebagai pegganas di Korea, Indonesia tidak mengundi, justeru memisahkan dirinya daripada India dan Burma yang menentang resolusi Amerika itu.³⁹ Walaupun ingin mendapatkan bantuan Amerika tetapi tidak bersetuju dengan pendiriannya dalam Perang Korea, Indonesia telah memilih jalan tengah dengan tidak mengundi; dan dengan berbuat demikian Indonesia berharap tidak akan terlalu menyakitkan hati pihak Amerika. Demikianlah dilemma Indonesia yang ingin berkecuali, tetapi pada masa yang sama mengharap bantuan daripada Amerika Syarikat.

Oleh sebab itu, pegawai Amerika Syarikat tidak berpuas hati, kerana bagi mereka Indonesia masih tidak mengambil berat akan bahaya Perang Dingin. Sehubungan itu, banyak lagi kekecewaan menunggu mereka. Disebabkan keadaan tentera di Korea semakin buruk, pihak Washington mahu menubuhkan satu pakatan tentera di Asia. Pada awal Februari 1951, Cochran memberi cadangan kepada Roem tentang penubuhan Pakatan Pasifik dengan melibatkan Indonesia, Amerika Syarikat, Australia dan sekutu Amerika Syarikat di Pasifik. Roem menjelaskan pakatan seperti itu tidak selari dengan dasar luar Indonesia. Menjawab beberapa soalan lanjut daripada Cochran, Roem menyatakan Indonesia "sememangnya harapan" Amerika Syarikat akan membantunya jikalau Indonesia diserang komunis, sama ada atau tidak satu perjanjian pertahanan formal antara Amerika Syarikat dan Indonesia.⁴⁰

Cochran amat geram dengan jawapan Roem itu. Dalam telegramnya pada 3 Februari 1951 kepada Jabatan Negara, Cochran menghujahkan "mungkin sudah sampai masanya untuk mengajar Indonesia mengenai realiti dunia;" dan bantuan dari Amerika Syarikat harus dihargai dan dihayati, tidak kira betapa rapatnya hubungan antara Amerika Syarikat dengan Indonesia sekarang atau pada masa

depan. “Jikalau sikap berlemah-lembut dengannya itu diteruskan, nanti bukan sahaja Indonesia sendiri akan menjadi masalah, tetapi juga akan menyumbang kepada pengukuhan blok Asia-Arab, justru menjadi masalah yang lebih rumit.” Cochran percaya bahawa Indonesia akan menghargai manfaat bersepakatan dengan Amerika Syarikat jikalau mereka menyedari sebarang pertolongan dari Amerika Syarikat pada masa depan harus dipohon dan dijustifikasikan dengan rekod trek tindakan Indonesia sebagai negara berdaulat yang bersimpati dengan dasar dunia bebas.⁴¹

Rakan Cochran di Jabatan Negara menyokong saranan beliau untuk bertindak dengan lebih tegas dengan Indonesia. Sentimen seperti itu sudah mulai kelihatan di kalangan pegawai Jabatan Negara sejak suku akhir 1950.⁴² Meninjau kembali rekod hubungan Indonesia dengan Amerika Syarikat dalam Perang Dingin, William Lacy, pengarah Bahagian Hal Ehwal Filipina dan Asia Tenggara, merasa kecewa dengan “pihak Indonesia ternyata mempercayai dirinya kurang bimbang akan komunisme daripada usaha Amerika memerangi komunisme.” Walaupun amat diperlukan, pihak Indonesia kelihatan berat sekali untuk menerima bantuan teknikal dan ekonomi daripada Amerika Syarikat. Parliamen Indonesia pada akhirnya mengesahkan pinjaman daripada Bank Ekspot-Impot pada awal November 1951 dengan undi 90 berbanding 17, dengan kira-kira 50 peratus ahli parliamennya tidak membuang undi, selain sehingga kini masih belum ambil apa-apa tindakan untuk memperakui perjanjian bantuan ekonomi dua-hala antara Amerika Syarikat dengan Indonesia. Memahami kesulitan dalaman yang dihadapi kerajaan Indonesia, Amerika Syarikat telah “bersabar dan bertabah”, tetapi mendapati sekarang adalah masanya untuk mendesak pihak Indonesia untuk menyedari bahawa persahabatan antara dua buah negara mestilah hubungan dua pihak yang balas-membalas.⁴³

Akan tetapi, impian Jabatan Negara untuk menghentikan rancangan bantuannya kepada Indonesia itu telah dibantah sekeras-kurasnya Colonel Allen Griffin, pengarah Economic Cooperation Administration (ECA), Bahagian Timur Jauh. Dalam perjumpaannya dengan Lacy, Griffin telah menunjukkan dengan rasa geramnya terhadap usaha Cochran yang mahukan Amerika Syarikat keluar dari Indonesia, lantas menyerahkan negara itu ke tangan Komunis, dan dalam itu memberi “senjata yang sungguh baik” kepada Senator McCarthy. Sehubungan itu, Griffin menegaskan Cochran telah mengucar-kacirkan hubungan Amerika Syarikat dengan Indonesia dengan begitu teruknya dan sekarang hendak menarik ECA keluar dari Indonesia dan bengis dengan pihak Indonesia yang enggan menyokong Amerika Syarikat di Korea, enggan menyertai Pakatan Pasifik, dan hal-hal lain yang telah memburukkan lagi situasi yang sudah begitu rumit. Griffin mendakwa Cochran mempunyai sebab peribadi dalam membantah program ECA dan menambah cara negatif seperti itu bukanlah cara yang efektif untuk membanteras komunisme, lebih-lebih lagi untuk membawa Indonesia ke pihak Amerika Syarikat. Lacy yang telah mempertahankan rekod Cochran di Indonesia itu menafikan saranannya untuk menghentikan bantuan kepada Indonesia itu

ada kena-mengena dengan strategi Amerika Syarikat ke atas Indonesia dan mengatakan cadangan Jabatan Negara itu berdasarkan hakikat bahawa kedudukan petukaran emas dan mata wang asing Indonesia bagi tahun lalu telah bertambah baik dan, justeru itu, ia tidak lagi memerlukan bantuan untuk membeli barangan dan khidmat dari Amerika Syarikat.⁴⁴ Pada akhirnya, Jabatan Negara dan ECA telah mencapai persetujuan untuk meneruskan program bantuan pada kadar yang lebih rendah: \$9.95 juta bagi 1951 dan \$10.4 juta bagi 1952.

KABINET SUKIMAN PRO-AMERIKA

Kabinet Natsir yang telah dibubarkan pada akhir Mac 1951 akibat kemusykilan dalam parliamen berkenaan isu dalaman itu telah diganti kerajaan campuran Masjumi-PNI yang dipimpin Sukiman Wiryosanjoyo daripada parti Masjumi. Cochran gembira kerana kabinet Natsir telah jatuh. Beliau berpendapat walaupun Natsir dan Roem “tokoh yang berkebolehan”, namun mereka telah “gagal memberi Indonesia kepimpinan yang efektif.” Lagipun, walaupun mereka menyatakan mereka itu anti-komunis, tetapi mereka tidak pernah menggunakan kesempatan yang telah terbuka untuk melaksanakan dasar yang benar-benar anti-komunis. Cochran berfikiran Roem agak “naif” dalam mempercayai kejayaan konsep dasar luar bebas dan berkecuali di kalangan blok Arab-Asia. Cochran mengandaikan walaupun setengah ‘kawan’ Amerika Syarikat akan disingkirkan daripada kabinet baru itu, namun hubungan antara kerajaan Sukiman dengan Amerika Syarikat mungkin akan sebaik, jikalau tidak lebih baik lagi, dengan hubungannya dengan kerajaan Natsir dahulu. Beliau juga mengirakan walaupun bukan semua dasar kerajaan Sukiman akan “berkebaratan”, tetapi beliau percaya kerajaan itu tidak akan “berpandangan anti-barat.”⁴⁵

Hakikatnya, kerajaan Sukiman didapati jauh lebih pro-Amerika berbanding kesemua kerajaan Indonesia sebelumnya. Yang amat memuaskan bagi Cochran dan Jabatan Negara ialah kerajaan Sukiman telah melaksanakan dasar dalam negeri yang anti-komunis, selain dasar luarnya pula seiring dengan dasar luar Amerika Syarikat. Kemiripan dasar luar Indonesia dengan dasar luar Amerika itu amat nyata sekali jikalau dibandingkan dasar luar Indonesia ketika itu dengan dasar luar India dan Burma, dua buah negara Asia yang juga mengamalkan dasar berkecuali dalam Perang Dingin. Selain itu, semasa kerajaan Sukiman berkuasa, Indonesia telah berpisah daripada India dan Burma dalam beberapa perkara penting dalam Perang Dingin. Keputusan kerajaan Sukiman pada awal 1952 untuk menerima bantuan tentera Amerika Syarikat atas syarat Persetujuan Keselamatan Bersama itu meniadakan dakwaannya sebagai negara berkecuali dalam Perang Dingin.

Tetapi, tindakan balas awal daripada kerajaan Sukiman kepada permintaan Amerika Syarikat supaya Indonesia menyekat bekalan bahan potensi-perang yang strategik ke China langsung tidak menampakkan sentimennya yang pro-Amerika. Ketika itu, Indonesia sedang menikmati “kemakmuran Perang Korea”

ekuran melambung naiknya harga getah dan timah, maka Indonesia memang amat berkeberatan untuk menyokong resolusi PBB mengenai sekatan ekonomi ke atas China. Selain itu, terdapat juga syak wasangka di kalangan orang Indonesia tentang niat sebenar Amerika Syarikat melaksanakan sekatan ekonomi ke atas China itu adalah untuk menjadikan diri Amerika Syarikat pembeli tunggal bahan mentah yang berkenaan, maka ia boleh menyebabkan harga bahan mentah keluaran Indonesia jatuh serendah yang mungkin. Sementara itu, pihak RRC telah juga mempermainkan isu getah. Sebaik sahaja kerajaan Sukiman berkuasa, pihak kedutaan China di Jakarta telah mencadangkan untuk diadakan pertukaran getah dari Indonesia dengan beras dari China. Berlatarbelakangkan inilah Menteri Luar Indonesia, Ahmad Subardjo, semasa menjawab soalan kritis daripada wartawan telah dilaporkan menyatakan “Indonesia akan jual kepada syaitan pun jikalau itu akan memberi manfaat kepada rakyat Indonesia”.⁴⁶ Akan tetapi, kenyataan yang dibuat secara tergopoh gapah itu telah ditarik balik dengan serta-merta. Kedutaan Indonesia di Washington menjelaskan kenyataan Subardjo itu adalah hanya untuk “kegunaan politik dalaman.”⁴⁷

Jabatan Negara Amerika Syarikat sangat menginginkannya Indonesia dapat menyertai sekatan ekonomi PBB ke atas China. Sekiranya Indonesia menjual getah ke China, sekatan penjualan getah dari tanah jajahan British yang lain tidak akan berkesan. Selain itu, Indonesia tidak juga mempunyai sejarah berdagang dengan China; maka bagi Indonesia yang mula berdagang dengan China ketika PBB berusaha mengenakan embargo ke atas China itu amat buruk.⁴⁸ Dalam perbincangan yang berasingan dengan Ali Sastroamijoyo, Duta Indonesia ke Washington pada Mei 1951, penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat Dean Rusk dan Setiausaha Negara Dean Acheson telah menegaskan bahawa jikalau Indonesia meneruskan niatnya untuk menjual bahan larangan ke China, Amerika Syarikat terpaksa hentikan semua bantuannya kepada Indonesia.⁴⁹

Disebabkan pergantungannya ke atas bantuan ekonomi dan teknikal Amerika Syarikat dan yang mungkin lebih penting lagi ialah Indonesia berharap untuk dapat membeli senjata api daripada Amerika Syarikat,⁵⁰ maka kerajaan Sukiman telah tunduk kepada tekanan Amerika Syarikat. Sehubungan itu, sementara India dan Burma menentang resolusi PBB berkenaan embargo ke atas China, Indonesia yang tidak mengundi itu telah menerima amaran keras daripada Amerika Syarikat di Jakarta, Washington dan New York. Akhirnya, Indonesia bersetuju untuk mematuhi sekatan ekonomi ke atas China walaupun merungut tindakan itu akan merugikan Indonesia akibat kejatuhan harga getah. Tetapi, Subardjo nampak telah sempat mendapat ganjaran untuk Indonesia dengan tindakannya bersetuju menyertai embargo tersebut. Merujuk kepada kesulitan situasi politik dalaman dan bantahan hebat daripada massa media serta parliamen atas penyertaan Indonesia ke atas embargo terhadap China, Subardjo telah berusaha mendapat pinjaman tambahan sebanyak \$50 juta daripada ECA untuk mengimbangi kerugian yang dianggarkan sebanyak \$150 juta akibat menyertai sekatan ekonomi PBB. Cochran meluat dan secara terus terang memberitahu Sudardjo bahawa

Kementerian Luar Indonesia sendiri yang menyebabkan bantahan itu. Beliau enggan menyokong sebarang pinjaman tambahan dengan menyatakan Indonesia belum lagi menggunakan sepenuhnya pinjaman yang sedia-ada.⁵¹

Pada bulan September 1951, setelah mengeneppikan bantahan daripada Cochran, ECA bersetuju untuk memberi pinjaman yang Indonesia minta. Jabatan Negara Amerika Syarikat agaknya mengkira bahawa pinjaman itu adalah sedikit sahaja bagi mendapatkan persetujuan Indonesia menyertai embargo ke atas China. Seterusnya pada masa itu, yang amat memuaskan hati Cochran dan pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat ialah kerajaan Sukiman telah melaksanakan satu siri tindakan anti-komunis di Indonesia. Sehubungan itu, maka pada Julai 1951, ia enggan menerima enam belas diplomat RRC masuk ke Indonesia, walaupun kesemua mereka telah diberi visa masuk oleh konsulat Indonesia di Beijing. Alasan yang diberi kerajaan Sukiman ialah ini adalah kali ketiga Beijing melanggar “adab diplomatik” kerana sudah gagal memberi “notis awal yang mencukupi” tentang kedatangan para diplomat yang berkenaan. Sebab sebenar di sebalik tindakan itu adalah untuk mengawal aktiviti dan membendung pengaruh kedutaan RRC di kalangan penduduk keturunan Cina di Indonesia.⁵² Mungkin yang lebih memuaskan hati Amerika Syarikat ialah serbuan anti-komunis pada Ogos 1951. Berdasarkan tuduhan kononnya pihak komunis berniat untuk menggulingkan kerajaan Indonesia, Sukiman telah melancarkan satu siri penangkapan besar-besaran. Seramai lima belas ribu orang keturunan Cina telah ditangkap. Kebanyakannya adalah pemimpin Parti Komunis Indonesia dan pemimpin parti-parti politik sayap kiri yang lain, selain ratusan orang pemimpin masyarakat Cina, dan sejumlah musuh politik kerajaan yang lain. Tetapi, kerajaan Sukiman gagal meyakinkan Parliamen bahawa ancaman kepada kerajaan itu benar, maka terpaksa melepaskan tahanan itu pada akhirnya.⁵³

Pada September 8 1958, Indonesia telah menandatangani Perjanjian Perdamaian Jepun, sekali lagi berpecah dengan India dan Burma yang enggan menghadiri Persidangan San Francisco kerana perjanjian itu dirangka Amerika Syarikat dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai batu-pengukun dalam dasar Perang Dingin Amerika Syarikat di Asia. Selepas kerajaan Indonesia menandatangani perjanjian itu, Jabatan Negara Amerika Syarikat bersetuju untuk memberi kepada Indonesia pinjaman sebanyak \$50 juta yang diminta Sudardjo. Akhbar dan massa media Indonesia amat kritikal atas “pelacuran” seperti itu. Disebabkan bantahan keras itu, Perjanjian Perdamaian Jepun itu tidak diserahkan ke Parliamen Indonesia untuk pengesahan sehingga 1958.⁵⁴

PERJANGIAN SULIT COCHRAN-SUBARDJO.

Dasar anti-komunisme kerajaan Sukiman dan kecenderungannya berpihak ke Amerika Syarikat telah merangsangkan Cochran untuk cuba membawa Indonesia menjadi sekutu penuh Amerika Syarikat dan meninggalkan dasar keberkecualian.

Pada Januari 1952, beliau telah berjaya memujuk Subardjo untuk menandatangani Perjanjian Akta Keselamatan Bersama atas syarat yang jelas untuk membuat Republik Indonesia terikat secara ketenteraan kepada Amerika Syarikat. Menurut Akta Keselamatan Bersama yang diluluskan pada Oktober 1951, mana-mana negara yang menerima bantuan tentera Amerika Syarikat secara geran wajib mematuhi Artikel 511(a) yang mengkehendaki negara penerima itu menyumbang dengan sepenuhnya kepada 'kekuatan pertahanan dunia bebas', sementara negara yang menerima bantuan tentera secara bayaran balik, atau menerima hanya bantuan ekonomi atau bantuan teknikal pula perlu berikrar di bawah Artikel 511(b) untuk 'memelihara keamanan sedunia dan mengambil langkah yang dipersetujui bersama untuk menghapuskan punca-punca ketegangan antarabangsa.' Disebabkan baki peruntukan kepada pihak polis Indonesia berjumlah sebanyak \$3 juta itu telah digabungkan dengan dana Akta Keselamatan Bersama, maka Indonesia dikehendaki berikrar di bawah Artikel 511(a) kiranya ia memilih untuk terus menerimanya secara geran; sebaliknya kiranya Indonesia hendak menerima bantuan program polis itu secara bayaran-balik, ia perlu berikrar di bawah Artikel 511(b).⁵⁵

Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengarah Cochran untuk menegaskan kepada kerajaan Indonesia untuk menerima 511(b) sekiranya beliau yakin Artikel 511(a) tidak dapat diterima Indonesia. Jawapan daripada Cochran ialah beliau akan cuba memujuk Indonesia untuk menerima artikel 511(a) berasaskan hujah bahawa suatu tanggapan buruk akan timbul sekiranya Indonesia sekarang diminta membayar baki geran kelengkapan polis yang sudah sekian lama dijanjikan kepada Republik Indonesia.⁵⁶ Tujuan sebenar beliau itu adalah untuk mematahkan dasar berkecuali Indonesia dan membawanya masuk ke kem Amerika Syarikat sebagai sekutu penuh. Cochran fikir masa itu sesuai untuk tindakan sedemikian kerana kerajaan yang berkuasa di Indonesia itu bersayap kanan, lagipun Indonesia sangat memerlukan dan mahu senjata api daripada Amerika Syarikat. Cochran percaya Indonesia setelah gagal mendapat senjata api secara pembelian daripada Eropah Barat dan Amerika Syarikat, maka Indonesia telah bersedia untuk menerima syarat Amerika Syarikat.

Pada 5 Januari 1952, Cochran dan Subardjo menandatangani Perjanjian Bantuan Keselamatan Bersama yang berisikan kewajipan dan ikrar 511(a). Subardjo bersetuju dengan syarat itu kerana yakin cuma melalui cara itu Indonesia dapat memperoleh senjata api yang amat diperlukannya.⁵⁷ Akan tetapi, sebelum menandatangani perjanjian itu, Subardjo tidak berunding dengan anggota kerajaan yang lain. Walaupun Perdana Menteri Sukiman telah diberitahu mengenai kemajuan perundingan yang sedang berjalan itu, tetapi Menteri Pertahanannya dan pihak atasan Panglima Angkatan Tentera Republik Indonesia tidak dimaklumkan.⁵⁸ Oleh sebab itu, bila Subardjo memberitahu Perdana Menteri syarat perjanjian itu, Sukiman sedar perkataan 'dunia bebas' akan menimbulkan masalah serius dengan akhbar dan parliamen. Beliau telah minta perkataan 'dunia bebas' ditukar kepada 'dunia cintakan-keamanan', tetapi Cochran enggan

mengubah bahasa perjanjian itu. Selepas itu, Cochran menjelaskan kepada Jabatan Negara bahawa beliau sedar tentang risiko terbabit dalam menggunakan perkataan 'dunia bebas'. tetapi beliau fikir mungkin ada manfaatnya untuk cuba membawa Indonesia masuk lebih dalam ke dalam kem dunia bebas.⁵⁹ Walaupun terdapat kesangsian, Subardjo telah menandatangani perjanjian itu.

Jabatan Negara Amerika Syarikat gembira sekali dan Cochran telah dipuji atas kejayaannya membuat Indonesia menjadi sekutu penuh pihak dunia bebas.⁶⁰ Tetapi, kegembiraan itu hanya sekejap masa. Sebulan selepas perjanjian itu ditandatangani, rashianya diketahui ramai. Menteri Pertahanan Indonesia terkejut apabila pegawai tentera daripada Kedutaan Amerika Syarikat mengunjungi beliau untuk berbincang bagi melaksanakan perjanjian yang telah ditandatangani. Pada hari berikut, perjanjian sulit Subardjo-Cochran telah disiarkan dalam akhbar di Jakarta, dan selama tiga minggu kritikan bertubi-tubi telah dilontarkan ke atas kerajaan Sukiman. Subardjo dibidas kerana telah menjalankan diplomasi sulit dan bersyarat dalam perjanjian itu. Akhbar Indonesia bertambah berang setelah mengetahui India dan Burma juga menerima bantuan ekonomi daripada Amerika Syarikat di bawah rancangan MSA, tetapi tidak perlu akur kepada artikel 511(a). Kutukan ke atas Amerika Syarikat, terutamanya daya usaha Cochran memaksa Indonesia ke dalam kem Amerika Syarikat dalam Perang Dingin itu berleluasa. Prestij Amerika Syarikat di kalangan penduduk Indonesia merosot ke tahap yang amat rendah.

Setelah bermesyuarat mengenai perkara yang berlaku itu pada Februari 1952, kabinet Sukiman mendapati tidak boleh menerima implikasi daripada kewajiban tentera pada diri Indonesia kepada Amerika Syarikat. Subardjo telah diarah untuk meminta Cochran bersetuju untuk menggantikan ikrar 511(a) dengan 511(b), tetapi Cochran enggan menarik balik janji yang telahpun dipersetujui. Sebaliknya, beliau menasihatkan Washington jikalau kerajaan Indonesia menolak perjanjian yang ditandatangani Subardjo, Amerika Syarikat harus menghentikan semua bantuan kepada Indonesia. Kepentingan dasar Amerika Syarikat, hujah Cochran, mungkin akan lebih digeruni jika pihak Indonesia diingatkan bahawa Amerika Syarikat tidak terlibat dalam rancangan dermawan sejagat, tetapi Amerika berusaha, pertamanya dan penting sekali, adalah untuk membantu negara-negara sekutu Amerika Syarikat; dan keduanya, membantu negara-negara kurang maju atas sebab kedudukan ekonomi yang kurang baik, maka tidak mampu membeli barangan modal yang diperlukan pembangunan negara. Menurut Cochran, Indonesia tidak disenaraikan dalam kedua-dua katagori itu dan juga enggan memikul tanggungjawabnya yang diminta Amerika Syarikat berdasarkan akta Kongress untuk membolehkan Indonesia menerima jenis bantuan MSA yang Indonesia benar-benar perlukan.⁶¹

Cochran terus melenting, walaupun kerajaan Sukiman terpaksa meletakkan jawatannya lewat Februari 1952. Selain itu, beliau hampir enggan menurut arahan daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat supaya kerajaan Indonesia benar-benar memahami bahawa ianya boleh memilih ikrar 511(b) untuk menerima bantuan ekonomi dari Amerika Syarikat. Beliau membantah yang beliau tidak mempercayai

Jabatan Negara sudi “mengrisikokan penghinaan” dan telah meminta supaya arahan itu difikir semula.⁶² Pada mulanya, Jabatan Negara Amerika Syarikat mengakur dengan Cochran, tetapi pada akhirnya yakin Cochran keliru akan perselisihan berkenaan penerusan bantuan Amerika Syarikat kepada Indonesia yang timbul antara beliau dengan kerajaan Indonesia sebagai perselisihan antara kerajaan Amerika Syarikat dengan kerajaan Indonesia.⁶³ Pada Julai 1952, Jabatan Negara Amerika Syarikat telah menghantar Stanley Andrews, pengarah Technical Co-operation Agency yang baru ditubuhkan ke Jakarta untuk menjelaskan kepada kerajaan Indonesia mengenai pertukaran seliaan bagi bantuan Amerika Syarikat kepada negara Asia dari Mutual Security Agency kepada Technical Co-operation Agency

KESIMPULAN

Pada musim gugur 1952, John Allison, penolong setiausaha Bahagian Hal Ehwal Timur Jauh, telah dihantar ke ibu-ibu negara Asia Tenggara atas nama kunjungan muhibah. Menurut Allison, beliau telah diberi kuasa daripada Presiden Truman untuk memberitahu kerajaan dan penduduk Indonesia dan Burma bahawa Amerika Syarikat faham sepenuhnya hasrat mereka untuk bersikap berkecuali, mengukuh kekuatan diri mereka dan menyelesaikan masalah dalaman diri mereka sebelum melibatkan diri dalam masalah antarabangsa. Malah, Amerika Syarikat sendiri telah bertindak sedemikian semasa ia masih negara muda lagi.⁶⁴

Akan tetapi, kajian rapi ke atas rekod dasar pentadbiran Truman ke atas Indonesia tidak menyokong fahaman atau toleransi sebegitu. Selain itu, semua arahan daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat kepada Cochran itu menunjukkan kepercayaan pihak Washington bahawa Perang Dingin adalah situasi yang tidak boleh dikompromikan, dan dalam pada itu tidak ada ruang untuk keberkecualian. Cochran telah berulang kali menyatakan kepada pemimpin Indonesia bahawa keberkecualian adalah cetek, menipu diri dan bahaya; maka jalan yang terbaik bagi Indonesia adalah untuk bersekutu sepenuhnya dengan blok dunia barat. Keberkecualian Indonesia yang condong kepada Amerika Syarikat itu tidak memadai. Dasar Amerika Syarikat kepada Indonesia ternyata telah diserapi kekhawatiran yang keberkecualian akan memanfaatkan pihak Soviet Union.

Bantuan tentera yang boleh didapatkan dari Barat itu merupakan kelemahan Indonesia dan percubaan Cochran untuk mengeksploitasikannya telah membawa mala petaka. Tipu helah beliau untuk memaksa Indonesia meninggalkan dasar berkecualinya itu telah mendatangkan kerugian besar kepada perjuangan anti-komunisme di Indonesia. Pada 1950, bila Amerika Syarikat melalui jawatankuasa PBB telah berjaya menyelesaikan masalah kemerdekaan Indonesia dari Belanda, prestij Amerika Syarikat dalam mata Indonesia adalah begitu tinggi. Menjelang 1952, akibat krisis MSA, prestij Amerika Syarikat telah menjunam. Kerajaan Sukiman adalah kerajaan pro-Amerika Indonesia yang terakhir sehingga

munculnya kerajaan General Suharto pada 1966. Pengajaran daripada peristiwa MSA dan segala usaha di pihak Amerika Syarikat untuk memujuk dan memaksa Indonesia memasuki blok barat itu telah disimpulkan secara bernas oleh duta British di Jakarta masa itu:” Anda boleh merangsangkan dan memupuk kebencian yang terpendam di pihak Indonesia terhadap komunisme, tetapi anda tidak boleh melantunkan mereka ke dalam Amerikanisme tanpa menghasilkan mala petaka sebenar yang anda telah cuba elakkan.”⁶⁵

NOTA

- ¹ Untuk perbincangan umum mengenai keberkecualian dan tidak memihak, sila rujuk kepada Laurence W. Martin (ed.), *Neutralism and Nonalignment: The New States in World Affairs* (New York: Frederick A. Praeger, 1962); Peter Lyon, *Neutralism* (Leicester: Leicester University Press, 1963). Untuk perbincangan mengenai keberkecualian ala Indonesia, rujuk kepada J..M. van der Kroef, “Indonesia: Independent in the Cold War” *International Affairs, Vol. 1, no. 1* (Spring 1951): 283-292; Ide Anak Agung Gde Agung, *Twenty Years Indonesian Foreign Policy, 1945-1965* (The Hague: Mouton & Co., 1973) Ch. 5; Franklin B. Weinstein, *The Meaning of Nonalignment: Indonesia’s “Independent and Active” Foreign Policy* (Cornell University: International Relations of East Asia Project, 1974). Untuk tinjauan dasar luar Indonesia dari 1950 hingga 1982, lihat Michael Leifer, *Indonesia’s Foreign Policy* (London: Royal Institute of International Affairs, 1983).
- ² Mohammad Hatta, *Mendanjung Antara Dua Karang* .Jakarta: Department of Information, 1951.
- ³ Untuk kajian mendalam mengenai penglibatan Amerika Syarikat dalam Perang Kermerdekaan Indonesia adalah karya Robert J. McMahon, *Colonialism and the Cold War: The United States and the Struggle for Indonesian Independence, 1945-1949* (Ithaca, NY: Cornell University Press, 1981). Rujuk juga kepada Richard Mason, “The United States, the Cold War and the Indonesian Nationalist Revolution, 1945-1950,” *Journal of Oriental Studies, vol. 30 no 1-2* (1992), Special Issue, *The Cold War and Beyond in Asia*, ed. Priscilla Roberts: 60-75.
- ⁴ Mohammad Hatta, “Indonesia’s Foreign Policy,” *Foreign Affairs* (April 1953)., dicetak semula dalam Mohammad Hatta, *Portrait of a Patriot: Selected Writings of Mohammad Hatta* (Singapore: Gunung Agung, 1981): 550-551, 555.
- ⁵ Sutan Sjahrir, *Perjuangan Kita [Our Struggle]*, (November 1945), terjemahan R..O. G. Anderson (Ithaca: Cornell University Modern Indonesia Project, 1968) ms. 24. Sjahrir adalah Perdana Menteri Republik Indonesia yang pertama.
- ⁶ NSC 51 “United States Policy Toward Southeast Asia,” A Report to the National Security Council by the Secretary of State, March 29, 1949, NSC Files, Record Group 273, Modern Military Branch, National Archives, Washington D.C.
- ⁷ *Ibid.*
- ⁸ *Department of State Bulletin* (February 13, 1950), 244; Memorandum oleh Charles Yost, January 31, 1950, *Foreign Relations of the United States 1950, VI: East Asia and the Pacific*. (Washington: US Government Printing Office, 1976): 710-711.
- ⁹ Department of State, “Indochina Problem Paper.” February 1, 1950, *FRUS 1950, VI.*: 711-715.

- ¹⁰ Mengenai asal usul komitmen Amerika Syarikat di Asia Tenggara, Andrew J. Rotter, *The Path to Vietnam: Origins of the American Commitment to Southeast Asia* (Ithaca: Cornell University Press, 1987), chapter 8. Mengenai komitmen awal Amerika Syarikat terhadap Perancis di Vietnam, George C. Herring, "The Truman Administration and the Restoration of French Sovereignty in Indochina," *Diplomatic History*, 1 (Spring 1977): 97-117. Untuk perbincangan mengenai pengiktirafan rejim Bao Dai oleh Amerika Syarikat, lihat Gary Hess, "The First American Commitment in Indochina: The Acceptance of the 'Bao Dai Solution,' 1950" *Diplomatic History*, 2 (Fall 1978): 331-350; Mark Lawrence "Recasting Vietnam: The Bao Dai Solution and the Making of the Cold War in Southeast Asia," dalam Christopher Goscha dan Christian Ostermann (peny), *Connecting Histories: Decolonization and the Cold War in Southeast Asia, 1945-1962*, (Stanford: Stanford University Press, 2009): 15-38.
- ¹¹ "Area Report on Southeast Asia by the Military Group of the Joint State-Defence Survey Team to Southeast Asia," December 6, *FRUS 1950, VI*: ms.170.
- ¹² Memorandum, Walton Butterworth to Secretary Acheson, October 21, 1949, Department of State Central File, 890.20/10-2449, *Confidential U.S Department of State Central Files, The Far East, 1945-1949*. Gregory Murphy (ed.), (University Publications of America, 1991), reel 11. Juga rujuk kepada annex kepada Memorandum dari Secretary Acheson ke President Truman, January 9, 1950, *FRUS 1950, VI*: 964-966.
- ¹³ Memorandum, Butterworth kpd Secretary Acheson, October 21, 1950, Department of State Central Files, 890. 20/10. 2449, *The Far East, 1945-1949*, reel 11.
- ¹⁴ NSC 48/1, "The Position of the United States with Respect to Asia," December 23, 1949, dalam U.S Congress, House, Committee on Armed Services, *United States-Vietnam Relations, 1945-1967: A Study Prepared by the Department of Defense* (Washington, 1971), Book 8: 226-272.
- ¹⁵ Memorandum, Secretary of State kepada aPresident Truman, January 9, 1950, *FRUS 1950, VI*: 964.
- ¹⁶ Telegram, Jessup kepada Deputy Under Secretary Rusk, February 3, 1950, *Ibid.*: 978, nota 2; Telegram, Rusk kepada Jessup, February 7, 1950, *Ibid.*: 978; lihat juga Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, January 29, 1950, *Ibid.*: 973-975.
- ¹⁷ Telegram, Griffin kepada Setiausaha Negara, April 22, 1950, *Ibid.*: 1016
- ¹⁸ Samuel P. Hayes, *The Beginning of American Aid to Southeast Asia: The Griffin Mission of 1950* (Lexington: Heath Lexington Books, 1975): 281-282.
- ¹⁹ Memorandum Perbualan, February 3, 1950, *FRUS 1950, VI*: 975-978. Memoranda oleh Jessup berkenaan perbualan dengan pemimpin Indonesia yang lain dan pegawai Amerika di Jakarta ada dalam Department of State Central Files, 790.00/1-2450, *The Far East, 1950-1954*, reel 2; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, March 23, 1950, *FRUS 1950, VI*: 990.
- ²⁰ George McTurnan Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism" in *Asian Nationalism and the West*, ed., William Holland (New York: The Macmillan Company, 1953): 174.
- ²¹ *Ibid.*: 174-75; Information Office, Embassy of Indonesia, Washington, *Report on Indonesia, Vol. 1 no. 46* (June 16, 1950): 1. Rujuk juga Christopher Goscha, "Choosing between the Two Vietnams: 1950 and Southeast Asian Shifts in the International System," dalam Goscha dan Ostermann, *Connecting Histories*: 207-237.
- ²² Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, June 7, 1950, *FRUS 1950, VI*: 1029, footnote 1.
- ²³ Telegram, Setiausaha Acheson kpd Cochran, June 16, 1950, *Ibid*: 1029-1030.

- ²⁴ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 26, 1950, *Ibid.* 1054.
- ²⁵ Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism," : 172; David Mozingo, *Chinese Policy toward Indonesia, 1949-1967* (Ithaca: Cornell University Press, 1976) : 86-90.
- ²⁶ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 26, 1950, *FRUS 1950, VI.*: 1054-1057.
- ²⁷ *Report on Indonesia, Vol. 1 no. 48* (June 30, 1950): 1-2; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, July 28, 1950, *FRUS 1950, Vol. VI*: 1040, nota 1.
- ²⁸ Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, July 26, 1950, *Ibid.*: 1039-1040; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, July 28, 1950, *Ibid.*: 1040, nota 1.
- ²⁹ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 26, 1950, *Ibid.*: 1055-1057.
- ³⁰ Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, May 24, 1950, *Ibid.*: 1025-1027; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, June 7, 1950, *Ibid.*: 1027-1029; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, July 26, 1950, *Ibid.*: 1037-1039; Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 9, 1950, *Ibid.*: 1046-1050.
- ³¹ Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, August 12, 1950, *Ibid.*: 1051 nota 3.
- ³² Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 16, 1950, *Ibid.*: 1051-1052.
- ³³ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, August 26, 1950, *Ibid.*: 1056-1057
- ³⁴ Telegram, Cochran kpd Jabatan negara, September 30, 1950, *Ibid.*, ms. 1069-1072.
- ³⁵ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, October 10, 1950, *Ibid.*, ms. 1078-1080
- ³⁶ Telegram, Melby kpd Jabatan Negara, October 11, 1950, *Ibid.*,ms. 1080, nota 2.
- ³⁷ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, December 8, 1950, *Ibid.*: 1096-1098
- ³⁸ *Ibid.*
- ³⁹ Mengenai pendirian rasmi pihak Indonesia ke astas penglibatan China ke dalam Perang Korean, lihat *Report on Indonesia, Vol. II, nos. 14-19*. Untuk perbincangan mengenai pendirian Indonesia dalam PBB, lihat, antara yang lain, Lawrence S. Finkelstein, "Indonesia's Record in the United Nations," *International Conciliation* (November 1951) no. 474: 526-533.
- ⁴⁰ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, February 3, 1951, *Foreign Relations of the United States 1951, Volume VI: Asia and the Pacific* (Washington: US Government Printing Office, 1977) : 145-147.
- ⁴¹ *Ibid.*: 147.
- ⁴² Memorandum, Lacy kpd Penolong Setiausaha Rusk, September 5, 1951, *Ibid.*: 140-141.
- ⁴³ Memorandum, Lacy kpd Penolong Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi, Februari 15, 1951, *Ibid.*: 597-598; Telegram, Jabatan Negara kepada Cochran, Februari 15, 1951, *Ibid.*: 596-597.
- ⁴⁴ Mengenai pertikaian diantara ECA dan Jabatan Negara, lihat Memorandum Perbualan, Februari 15, 1951, *Ibid.*: 598-602; Telegram, Cochran kepada Jabatan negara, Februari 17, 1951, *Ibid.*: 603-605; Memorandum, Rusk kepada Griffin, February 20, 1951, *Ibid.*: 605-606; Memorandum, Lacy kepada Rusk, March 19, 1951, *Ibid.*: 619-623; Memorandum Perbualan, Mac 20, 1951, *Ibid.*: 623-625.
- ⁴⁵ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, April 27, 1951, *Ibid.*: 642-643.
- ⁴⁶ Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism," : 177.
- ⁴⁷ Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, May 9, 1951, *FRUS 1951, VI.*: 647, nota 2
- ⁴⁸ Memorandum, Rusk kpd Acheson, May 14, 1951, *Ibid.*: 650-652.
- ⁴⁹ Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, May 11, 1951, *Ibid.*: 647-649; Telegram, Jabatan Negara kpd Cochran, May 14, 1951, *Ibid.*: 653

- ⁵⁰ Telegram, Cochran to Jabatan negara, May 15, 1951, *Ibid.*: 655, nota 5.
- ⁵¹ Telegram, Cochran ke Jabatan Negara, June 21, 1951, *Ibid.*: 681-682.
- ⁵² Mozingo, *Chinese Policy toward Indonesia*: 98-100.
- ⁵³ Herbert Feith, *The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia* (Ithaca: Cornell University Press, 1962) : 87-192.
- ⁵⁴ *Ibid.*: 192-196.
- ⁵⁵ Telegram, Pemangku Setiausaha Webb kpd Cochran, November 23, 1951, *FRUS 1951, VI*: 729-733.
- ⁵⁶ Telegram, Cochran to the Department of State, December 11, *Ibid.*: 749.
- ⁵⁷ Telegram, Cochran kepada Jabatan Nehara, Februari 19, 1952, *Foreign Relations of the United States 1952-1954, Volume XII: East Asia and the Pacific* (Washington: US Government Printing Office, 1987): 268-269
- ⁵⁸ Untuk perbincangan mengena MSA di sebelah pihak Indonesia, lihat Kahin, "Indonesian Politics and Nationalism" : 193-194; Feith, *Decline of Constitutional Democracy*: 198-201.
- ⁵⁹ Telegram, Cochran kpd Jabatan Negara, January 7, 1952, *FRUS 1952-1954*: 246-248; Telegram, Cochran kepada Jabatan Negara, February 18, 1952, *Ibid.*: 266-267.
- ⁶⁰ Telegram, Jabatan Negara kepada Cochran, January 8, 1952, *Ibid.*: 248
- ⁶¹ Telegram, Cochran kepada Jabatan, Negara, Februari 18, 1952, *Ibid.*: 266-267; Telegram, Cochran kepada Jabatan Negara, February 22, 1952, *Ibid.*: 271-274.
- ⁶² Telegram, Jabatan Negara kepada Cochran, Februari 22, 1952, *Ibid.*: 274 nota 1; Cochran kepd a Jabatan Negara, Februari 22, 1952, *Ibid.*: 274-275.
- ⁶³ Memorandum, Samuel T. Parelman, Pembantu Khas Program Serantau Timur Jauh, kpd John Allison, June 20, 1952, *Ibid.*: 249 nota 1
- ⁶⁴ "Observations of John M. Allison on his tour of US Missions in the Far East, September 26 to November 16, 1952," Memorandum, Allison kpd Setiausaha Negara, December 5, 1952, Department of State Central Files, 790.00/12-552, *The Far East, 1950-1954*, reel 3; lihat juga John M. Allison, "US Diplomacy in Southeast Asia: The Limits of Policy" dalam William Henderson (ed.), *Southeast Asia: Problems of United States Policy* (Cambridge, Mass.: MIT Press, 1963) : 170.
- ⁶⁵ Telegram, British Embassy, Jakarta, kpd Foreign Office, February 16, 1951. FH1631/6. FO371/92510. Public Record Office.

(Sumber asal makalah ini dalam bahasa Inggeris bertajuk Containment and the Challenge of Non-Alignment: The Cold War and U.S. Policy Toward Indonesia, 1950-1952. yang sudah disiarkan dalam buku *Connecting Histories. Decolonization and the Cold War in Southeast Asia, 1945-1962*, disunting Christopher E. Goscha & Christian F. Ostermann. Woodrow Wilson Center Press (Washington, DC) & Stanford University Press Stanford, CA, 2009: 39-67).

Penulis dan Penterjemah: Richard Mason, Ph D
 Felo Penyelidik Kanan
 Institut Kajian Oksidental
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi

Emel: mason5565@yahoo.com